

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN
PENDEKATAN “STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Sahirah bte Marzuki
Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia
dan
Aziz b. Nordin
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK. Penyelidikan bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pengendalian silibus Bahasa Inggeris tahun satu dengan menggunakan pendekatan ‘Student-centered-thematic-task based’. Silabus ini digubal berdasarkan kepada masalah penguasaan kemahiran tertentu dalam Bahasa Inggeris di kalangan pelajar UTM. Atas kesedaran ini pihak universiti telah menyarankan supaya kursus Bahasa Inggeris tahun satu menekankan kepada kemahiran berkomunikasi dalam penulisan dan pertuturan. Kedua-dua aspek ini penting bagi penguasaan pembelajaran di universiti dan sebagai persediaan untuk kerjaya masa hadapan. Dalam melaksanakan silabus ini beberapa cabaran telah dihadapi terutama mengenai peruntukan jam kuliah yang hanya dua pertemuan sahaja seminggu, dengan jumlah pelajar yang ramai dan dikendalikan oleh bilangan pensyarah yang kecil. Bagi mendapatkan penilaian pelajar mengenai perlaksanaan kursus, kajian ini akan menjawab mengenai tujuan, keperluan dan persoalan pembelajaran pelajar, keberkesanan pengendalian kursus dan kesesuaian silabus. Sejumlah 356 responden tahun satu dari berbagai fakulti telah terlibat. Hasil kajian mendapati secara amnya responden mengakui bahawa Bahasa Inggeris diikuti adalah sangat berfaedah, meningkatkan kemahiran, mendatangkan minat dan motivasi, pengendalian kursus telah berjalan dengan baik dan mempunyai kandungan silabus yang berguna untuk tujuan pembelajaran. Namun begitu terdapat penekanan yang agak berbeza dari beberapa aspek apabila penilaian pelajar dibuat berdasarkan kepada kumpulan pencapaian yang tinggi dan rendah atas pencapaian Bahasa Inggeris mereka. Diharapkan dapat daripada kajian ini dapat dimanfaatkan untuk mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris.

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
“STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

PENGENALAN

Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik bagi seseorang pelajar di institusi pengajian tinggi sangat penting kerana banyak bahan rujukan ditulis dalam Bahasa Inggeris (Aziz, 1995). Namun begitu masih terdapat ramai pelajar yang rendah penguasaan Bahasa Inggeris dan ada di antara mereka yang tidak boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik walaupun telah didedahkan sejak dari sekolah rendah lagi. Di UTM, kursus Bahasa Inggeris merupakan satu kursus yang perlu diikuti oleh semua pelajar dan perlu lulus untuk memperolehi Ijazah atau Diploma (Panduan Akademik, 1995). Bagi meningkatkan kemahiran pelajar untuk berkomunikasi dengan baik, satu silibus khas kursus Bahasa Inggeris telah digubal. Antara tujuan Kursus Bahasa Inggeris tahun satu adalah untuk melahirkan graduan yang seimbang dan berhemah tinggi melalui objektif berikut:

- i. Untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan asas Bahasa Inggeris, kemahiran sosial dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran dalam kursus masing-masing di universiti.
- ii. Untuk melahirkan pelajar yang boleh berfikir secara matang dan boleh melahirkan ide dan pendapat yang berkesan.
- iii. Untuk melahirkan pelajar yang mahir berkomunikasi (perlisanan dan penulisan) dengan yakin dan berkesan untuk tujuan akademik, interaksi sosial dan alam pekerjaan.

Walaupun objektif kursus Bahasa Inggeris di tahun satu sangat murni, Bahagian Bahasa Inggeris menghadapi kekangan terutama di segi masa pertemuan iaitu dua kali pertemuan seminggu (50 minit untuk setiap pertemuan), peruntukan ruang bilik kuliah berdasarkan kepada dua pertemuan, dan peruntukan lapan orang pensyarah tetap untuk memberi perkhidmatan kepada 2450 pelajar. Dengan masalah yang dihadapi ini, silabus yang menggunakan pendekatan “Student-centred Thematic Task-based Approach” telah digubal.

“Student-centred” di sini memberi penekanan kepada kaedah dengan mana pelajar terlibat secara aktif untuk menghasilkan setiap aktiviti pembelajaran bahasa menggunakan tugas “task” yang diberikan oleh guru. Sebagai contoh komponen “task” adalah keratan-keratan akhbar mengenai tajuk “budak-budak punk” dalam konteks tema masalah sosial. Pelajar secara berkumpulan, berdua atau seorang akan meneliti masalah ini, membincang, menulis dan mempersebahkan kepada pelajar lain mengikut garis panduan yang disediakan. Di antara garis panduan ini ialah definisi punk, akibat gejala ini dan cadangan atau cara menyelesaiannya. Pelajar juga boleh memilih tajuk lain dalam tema masalah sosial seperti bohsia, vandalism, penagihan dadah, pembuangan bayi, juvana, rogol, lepak dan sebagainya. Tumpuan penghasilan aktiviti komunikasi adalah pelajar itu sendiri. Pelajar mempunyai banyak peluang untuk berinteraksi dalam bahasa sasaran. Dalam masa yang sama pelajar menggunakan ke empat-empat kemahiran bahasa: mendengar, membaca,

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
“STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

menulis dan bertutur. Situasi pembelajaran ini memerlukan pelajar terlibat untuk memproses dan menghasilkan bahasa untuk berkomunikasi. “Task” ini mestilah lengkap dan mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

Objektif:	Bertukar dan memberi pendapat, menambah pengetahuan, menambah pengalaman, memberi maklumat.
Input:	Keratan akhbar, surat khabar, majalah, buku, ensaiklopedia.
Aktiviti:	Membaca, mendengar dalam aktiviti perbincangan, menyata, memberi keterangan/pendapat, menulis, membuat persembahan dan sebagainya.
Peranan guru:	Fasilitator.
Suasana:	Bilik kuliah/tutorial, perbincangan dengan seorang pelajar lain atau sekumpulan empat pelajar.

Pensyarah memberi imput melalui cara-cara membuat persembahan yang baik, cara penyebutan dalam kontek Bahasa Inggeris, teknik perbincangan, cara berkomunikasi yang lebih efektif, tayangan video untuk komunikasi yang berkesan, cara menulis yang baik dan efektif, dan penggunaan struktur nahu yang betul jika diperlukan.

“Task” adalah aktiviti dengan mana pelajar dikehendaki terlibat untuk memahami, mengendalikan, menghasilkan atau saling berinteraksi dalam Bahasa Inggeris. Tumpuan pelajar adalah kepada makna dalam bahasa tersebut dan bukannya struktur nahu (Nunan, 1992).

“Theme” adalah tema. Tema yang digunakan adalah mengenai masalah sosial, ekonomi dan pembangunan, alam sekitar, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Contohnya, dalam tema alam sekitar tajuk yang boleh digunakan ialah pencemaran air (sebab, akibat dan cara penyelesaian), udara, bunyi dan sebagainya.

Pendekatan “Student-centred-thematic-task-based” amat sesuai untuk proses pembelajaran kerana pendekatan ini membantu pelajar untuk membiasakan diri kepada pembelajaran kendiri (Waters, 1995). Oleh kerana pembelajaran kendiri merupakan satu keperluan bagi belajar di universiti, maka pendekatan ini boleh menghasilkan pelajar yang cekap dalam belajar. Waters (1995) menyatakan bahawa pendekatan ini juga dapat melahirkan pelajar yang berkemahiran dalam pemikiran kritikal. Ini kerana pelajar dilatih berfikir untuk mencari sebab, akibat dan penyelesaian sesuatu masalah. Dalam pendekatan ini pelajar didebadkan kepada berbagai proses pembelajaran iaitu, pengumpulan data, kemahiran bertanya, mempertimbangkan alternatif, menghasilkan berbagai perspektif penyelesaian dan menerima persefahaman pendapat, cadangan dan sebagainya. Melalui pendekatan ini juga pelajar dapat mempraktikkan perkara sebenar yang berlaku dalam kehidupan harian mereka di dalam kelas.

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
“STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Memandangkan pelajar tahun satu belum mengikuti kursus pengkhususan kejuruteraan atau pengkhususan lain, kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan untuk mereka adalah berbentuk Bahasa Inggeris Umum dan menggunakan bahan yang terdapat dari akhbar Inggeris tempatan dan luar negara. Akhbar Bahasa Inggeris digunakan kerana tahap bahasa yang digunakan adalah untuk semua lapisan masyarakat memahaminya. Oleh itu sekiranya pelajar tidak memahami kandungan akhbar kerana bahasanya, maka pelajar tersebut belum mencapai tahap kefasihan yang diperlukan untuk kegunaan akademik, interaksi sosial dan alam pekerjaan. Bahan akhbar juga boleh menyedarkan pelajar tentang isu-isu yang berlaku di sekeliling mereka. Misalnya, masalah remaja, masalah warga tua, masalah bekalan tenaga, pencemaran alam, pendidikan, ekonomi dan lain-lain. Dengan memahami masalah ini, pelajar dikehendaki menyelesaikannya melalui perbincangan, persempahan dan penulisan. Keseluruhan proses pembelajaran menggunakan pendekatan “Student-centred Thematic Task-based Approach” dan penggunaan bahan akhbar mengikut tajuk atau tema yang berkaitan. Proses ini diharapkan dapat membentuk graduan yang cekap dalam profesi mereka dan berhemah tinggi.

Bagi menilai perlaksanaan kursus yang telah dijalankan beberapa soalan berikut telah dikemukakan kepada responden.

- i. Adakah pendekatan dan kandungan kursus Bahasa Inggeris di tahun satu menarik, merangsang pemikiran pelajar dan mempunyai bahasa yang mudah untuk difahami?
- ii. Adakah pendekatan kursus menepati keperluan dan tujuan pembelajaran bahasa?
- iii. Adakah pendekatan yang digunakan berfaedah kepada pelajar?
- iv. Adakah pendekatan kursus ini dapat memajukan penguasaan bahasa sasaran pelajar?

KAEDAH KAJIAN

Penyelidikan deskriptif ini telah dijalankan pada sesi 1995/96. Semua pelajar telah mengisi borang soal selidik setelah menamatkan kuliah dan kerja kursus. Sejumlah 356 responden yang terdiri daripada pelajar tahun satu daripada berbagai fakulti telah digunakan sebagai sampel kajian. Responden ini telah menjawab satu set soalselidik yang mengandungi 29 item yang berkaitan dengan butiran peribadi dan juga item penilaian responden terhadap kursus Bahasa Inggeris yang mereka telah ikuti. Item penilaian meliputi aspek kesesuaian kandungan kursus, keperluan silabus, pendekatan pengajaran dan penguasaan yang mereka telah perolehi. Bagi mendapatkan persetujuan responden mengenai penilaian mereka terhadap kursus yang telah diikuti, skala Likert 1 hingga 5 telah digunakan dengan 1 sangat tidak setuju (SD), 2 tidak setuju (DA), 3 agak setuju (SwA), 4 setuju (A) dan 5 sangat setuju (SA). Semua jawapan responden dianalisis dengan menggunakan perisian komputer SPSSPC+ dan hasil analisis dinyatakan dalam Lampiran 1 dan Jadual 1. Perbincangan daptatan dibuat berdasarkan kepada penilaian menyeluruh responden dan juga mengikut dua

PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN “STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

kumpulan responden yang mempunyai gred pencapaian Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berbeza.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada analisis (Lampiran 1) menunjukkan bahawa sampel responden terdiri daripada 63.6% lelaki dan 36.4% perempuan yang berasal daripada 54.5% bangsa Melayu, 34.6% Cina dan lain-lain. Latarbelakang persekolahan responden juga berbeza iaitu di bandaraya (18.7%), bandar besar (14.2%), bandar biasa (28.6%), bandar kecil (24.6%), pekan besar (7.1%) dan pekan kecil (6.8%). Responden ini terdiri dari 16.3% di Fakulti Kejuruteraan Awam, 12.4% di Fakulti Kejuruteraan Jentera, 10.7% di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, 16.0% di Fakulti Sains, 14.3% di Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat, 2.5% di Fakulti Ukur, 23.6% di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli dan 4.2% di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Pada asasnya kebolehan responden dalam Bahasa Inggeris berbeza sebagaimana yang ditunjukkan oleh pencapaian bahasa Inggeris di Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia yang tersebar dengan luas daripada pangkat A1 ke F9. Bahasa yang responden gunakan di rumah dan universiti adalah Bahasa Melayu (34.4%), China (11%), Melayu dan Inggeris (22.3%) dan China/Melayu/Inggeris (20.8%). Nampaknya peratusan responden berbangsa China lebih tinggi menggunakan Bahasa Inggeris dalam pertuturan di rumah dan universiti. Dalam penggunaan bahan bacaan seperti surat khabar, buku, majalah dan jurnal pula didapati 58.0% responden membaca bahan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris, 26.4% dalam bahasa China/Melayu/Inggeris, 8.5% dalam bahasa Melayu dan 4.5% dalam bahasa China. Jumlah peratusan yang tinggi menunjukkan bahawa sebahagian besar bahan bacaan di universiti terdiri daripada bahan-bahan yang ditulis dalam Bahasa Inggeris.

Penilaian responden secara umum

Hasil kajian (lihat Lampiran 1) mendapat bahawa kursus Bahasa Inggeris yang dijalankan telah mencapai tujuannya iaitu untuk membolehkan pelajar bertutur dengan lancar dan berkesan, mampu menulis dengan baik dan berkesan, dan membantu untuk memahamkan bahan-bahan pembelajaran bagi kursus Ijazah Sarjana Muda yang ditulis dalam Bahasa Inggeris. Ini dapat dilihat daripada persepsi pelajar tentang objektif mereka dalam mempelajari Bahasa Inggeris (Item 1, v).

Bahan-bahan kursus yang digunakan dalam pengajaran didapati menarik (51.5% bersetuju dan 10.1% sangat bersetuju dengan Item 9), sesuai (59.8% bersetuju dan 12.9% sangat bersetuju dengan Item 10) dan mudah difahami (55.3% bersetuju dan 32.0% sangat bersetuju dengan Item 11). Tugasan yang diberikan pula berkaitan dengan apa yang

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
“STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

dipelajari (58.3% bersetuju dan 27.9% sangat bersetuju dengan Item 12) dan diakui dapat membantu mengukuhkan perkara yang telah dipelajari (51.8% bersetuju dan 29.9% sangat bersetuju dengan Item 13).

Menyentuh tentang keperluan pembelajaran Bahasa Inggeris, kajian mendapati kursus tersebut telah dapat meningkatkan kebolehan pelajar dalam pemahaman dan pertuturan (49.3% setuju dan 21.4% sangat bersetuju dengan Item 14), membantu memperbaiki penulisan (49.6% setuju dan 20.0% sangat bersetuju dengan Item 15) dan seterusnya ini memberi keyakinan kepada pelajar untuk menggunakan Bahasa Inggeris (50.7% setuju dan 16.9% sangat bersetuju dengan Item 16).

Pelajar juga berpendapat bahawa kursus Bahasa Inggeris yang mereka ikuti dapat mendorong mereka memperbaiki penguasaan bahasa Inggeris mereka (51.8% bersetuju dan 30.1% sangat bersetuju dengan Item 17). Namun begitu dirasakan kursus yang diberikan masih belum sepenuhnya memenuhi jangkaan pelajar dengan mana 11.6% tidak setuju, 42.5% agak setuju, 42.2% setuju dan 2.8% sangat setuju bahawa kursus berkenaan memenuhi jangkaan pelajar (Item 18).

Dari aspek pengajaran dan pembelajaran pula kajian mendapati pelajar tidak ada masalah untuk mengikuti kursus Bahasa Inggeris yang diajarkan (Item 19). Dalam pengajaran pelajar bersetuju bahawa semua pelajar diberi peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti di kelas (42.0% bersetuju dan 32.1% sangat bersetuju dengan Item 20). Pensyarah juga mudah untuk dihubungi dan sentiasa membantu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi (52.8% bersetuju dan 32.1% sangat bersetuju dengan Item 21). Dalam penyampaian pengajaran pula didapati pensyarah mempunyai kemahiran yang berkesan untuk berkomunikasi dengan pelajar (38.2% bersetuju dan 52.8% sangat bersetuju dengan Item 22).

Mengenai peruntukan masa dua jam seminggu untuk kursus ini pula didapati pelajar memberikan pandangan yang berbeza (5.9% sangat tidak bersetuju, 24.4% tidak setuju, 22.5% agak setuju, 34.8% setuju dan 12.4% sangat setuju dengan Item 24 iaitu peruntukan masa dua jam yang mencukupi), walaupun mereka sedar bahawa kursus Bahasa Inggeris yang dilaksanakan sangat penting (41.0% setuju dan 38.5% sangat bersetuju dengan Item 23). Keadaan ini mungkin berpunca daripada kebolehan Bahasa Inggeris dan latar belakang pelajar yang berbeza. Dari segi penilaian kursus pula pelajar mengakui bahawa kuiz, ujian dan peperiksaan akhir yang diadakan sesuai dan berpatutan dengan kursus yang dijalankan (60.1% setuju dan 15.7% sangat setuju dengan Item 26).

Dalam aspek penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris pula pelajar menyatakan bahawa kursus yang dijalankan telah berjaya mengajar mereka berfikir secara matang (50.4% bersetuju dan 13% sangat setuju dengan Item 25). Pengalaman daripada kursus yang memberi penekanan kepada penggunaan bahan bacaan dan artikel daripada potongan surat

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
“STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

akhabar dan majalah umum dalam pengajaran juga membuatkan pelajar sedar tentang isu-isu alam sekitar, sosial, politik, ekonomi dan pendidikan (46.6% setuju dan 37.4% sangat setuju dengan Item 27). Pengaruh daripada bahan bacaan tersebut nampaknya menggalakkan pelajar terus membaca akhabar Bahasa Inggeris (45.9% setuju dan 33.0% sangat bersetuju dengan Item 28 dan 49.0% setuju dan 37.7% sangat setuju dengan Item 29).

Penilaian responden mengikut kumpulan pencapaian tinggi dan rendah

Perbincangan mengikut kumpulan ini dibuat bagi tujuan mendapatkan maklum balas tentang pandangan pelajar dengan pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris tinggi (gred A1, A2 dan C3) dan rendah (gred P7, P8 dan F9). Melalui perbezaan pandangan ini diharapkan maklumat tentang penilaian bagi kekuatan dan kekurangan responden terhadap penguasaan Bahasa Inggeris dapat dikenalpasti dan digunakan dalam proses pengajaran dan pengendalian kursus.

Hasil analisis mendapati 173 pelajar dikategorikan sebagai pelajar kumpulan pencapaian tinggi dan 84 pelajar lagi dikategorikan sebagai kumpulan pencapaian rendah dalam Bahasa Inggeris. Dalam kumpulan pencapaian rendah 72.6% responden adalah lelaki manakala 27.4% adalah responden perempuan. Bagi pelajar kumpulan pencapaian tinggi pula sejumlah 56.7% adalah responden lelaki manakala 43.3% adalah responden perempuan. Sejumlah 38.1% responden daripada pelajar kumpulan tinggi berasal dari sekolah yang terletak dalam Bandaraya dan bandar-bandar besar manakala hanya 13.5% sahaja daripada responden pelajar kumpulan pencapaian rendah yang berasal dari sekolah-sekolah di Bandaraya dan bandar-bandar besar. Sejumlah 24.7% pelajar Kumpulan pencapaian rendah berasal dari sekolah yang terletak di kampung-kampung manakala bagi pelajar kumpulan pencapaian tinggi hanya 9.2% yang berasal dari sekolah yang terletak di kampung-kampung.

Jadual 1 menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan pelajar memberikan peratusan persetujuan yang berbeza mengenai aspek bahan kursus (Item 9) dan kesesuaian bahan tersebut (Item 10) kepada mereka. Peratusan yang menyatakan setuju bagi kumpulan tinggi untuk Item 9 (41.6% bersetuju) dan Item 10 (52% bersetuju) lebih rendah berbanding dengan pelajar kumpulan pencapaian rendah (72.6% bagi Item 9 dan 71.4% bagi Item 10). Keadaan ini nampaknya bersesuaian dengan dengan penilaian responden terhadap kefahaman bahasa yang digunakan dalam kursus (Item 11) iaitu peratusan sangat setuju pelajar kumpulan pencapaian tinggi (42.8% bagi Item 11) lebih tinggi daripada peratusan sangat setuju kumpulan rendah (8.3% bagi Item 11). Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar kumpulan tinggi lebih memahami bahasa kursus dan mereka mengakui tugas yang diberikan adalah bersesuaian. Alasan berlakunya situasi ini mungkin pelajar tersebut telah mempunyai asas Bahasa Inggeris yang baik sehingga peratusan sangat setuju mereka

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
“STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

terhadap Item 11, 12 dan 13 lebih tinggi berbanding dengan pelajar kumpulan pencapaian rendah.

Dari aspek pembelajaran Bahasa Inggeris pula, kajian mendapati wujud pola perbezaan peratusan persetujuan mengenai peningkatan pelajar dalam pemahaman dan pertuturan (Item 14), membantu memperbaiki penulisan (Item 15) dan keyakinan untuk menggunakan Bahasa Inggeris (Item 16). Data mengenai item-item ini menunjukkan peratusan pelajar kumpulan rendah lebih memusat kepada skala setuju bagi semua item berkenaan.

Pola bagi peratusan Item 17 dan 18 iaitu mengenai penguasaan Bahasa Inggeris dan kursus memenuhi jangkaan responden masing-masing adalah berbeza mengikut penilaian kedua-dua kumpulan. Peratusan persetujuan pelajar kumpulan pencapaian rendah lebih tertumpu kepada skala setuju sedangkan bagi pelajar kumpulan pencapaian tinggi taburannya agak meluas.

Kedua-dua kumpulan pelajar juga tidak mempunyai masalah untuk mengikuti kursus Bahasa Inggeris yang diajarkan (Item 19). Namun begitu kumpulan pencapaian tinggi lebih tinggi peratusannya yang sangat tidak setuju bahawa mereka mempunyai masalah berbanding dengan pelajar kumpulan pencapaian rendah. Kedua-dua kumpulan pelajar bersetuju bahawa mereka diberi peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti di kelas (Item 20). Pelajar kumpulan pencapaian tinggi lebih sangat bersetuju bahawa pensyarah mereka sentiasa membantu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi (Item 21) dan mempunyai kemahiran yang berkesan untuk berkomunikasi dengan pelajar (Item 22).

Menyentuh mengenai kepentingan Bahasa Inggeris selepas mengikuti kursus Bahasa Inggeris (Item 23), kedua-dua kumpulan responden mengakui bahawa ianya adalah penting. Namun begitu responden berbelah bahagi terhadap persetujuan mengenai kesesuaian peruntukan masa dua jam pertemuan seminggu untuk pengajaran (Item 24).

Dari aspek penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris (Item 25) pula peratusan responden kumpulan pencapaian tinggi yang mempersetujui item ini (45.7% bersetuju dan 9.8% sangat bersetuju) kurang berbanding dengan peratusan kumpulan pencapaian rendah (63.9% bersetuju dan 12.0% sangat bersetuju). Kedua-dua kumpulan bagaimanapun bersetuju bahawa pengalaman daripada kursus yang memberikan penekanan kepada penggunaan bahan bacaan dan artikel daripada potongan surat khabar dan majalah umum membuatkan pelajar sedar tentang isu-isu alam sekitar, sosial, politik, ekonomi dan pendidikan. Pengaruh bahan bacaan tersebut juga menggalakkan responden untuk terus membaca akhbar Bahasa Inggeris (Item 28) dan pelajar kumpulan pencapaian tinggi sangat bersetuju dengan saranan akan terus membaca akhbar Inggeris (45.7% sangat setuju dengan Item 29).

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
“STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**JADUAL 1 : PERATUSAN PENILAIAN RESPONDEN MENGIKUT KUMPULAN
PENCAPAIAN RESPONDEN.**

Item	Kump. Tinggi					Kump Rendah				
	SD	DA	SwA	A	SA	SD	DA	SwA	A	SA
9	-	6.9	45.1	41.6	6.4		1.2	15.5	72.6	10.7
10	0.6	2.9	37.0	52.0	7.5		1.2	14.3	71.4	13.1
11	0.6	0.6	6.9	49.1	42.8		2.4	16.7	72.6	8.3
12	0.6	1.2	15.7	55.2	27.3			8.3	83.3	8.3
13		0.6	21.5	48.3	29.7		2.4	10.7	65.5	21.4
14	0.6	5.2	33.5	43.9	16.8	1.2	-	13.3	67.5	18.1
15	0.6	5.8	29.5	47.4	16.8		1.2	14.5	67.5	16.9
16	0.6	4.6	36.4	42.2	16.2		1.2	15.7	67.5	15.7
17	1.2	3.5	19.7	46.8	28.9			7.2	69.9	22.9
18	1.7	16.9	45.9	33.7	1.7		6.1	34.1	56.1	3.7
19	57.2	38.2	2.3	1.7	0.6	34.9	60.2	2.4	2.4	
20	1.2	2.9	11.0	39.9	45.1			2.4	53.0	44.6
21		2.3	9.2	44.5	43.9		2.4	21.4	60.7	15.5
22		0.6	7.5	34.1	57.8		1.2	7.1	50.0	41.7
23	3.5	7.5	23.1	40.5	25.4		1.2	7.1	48.8	42.9
24	4.6	17.9	20.2	35.3	22.0	6.0	19.0	25.0	48.8	1.2
25	1.7	5.8	37.0	45.7	9.8		2.4	21.7	63.9	12.0
26	0.6	3.5	23.7	57.2	15.0		2.4	17.9	71.4	8.3
27	2.3	0.6	13.3	43.9	39.9		1.2	11.9	48.8	38.1

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
“STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

sambungan

28	1.7	2.3	19.7	40.5	35.8		1.2	19.3	57.8	21.7
29	1.2		12.1	41.0	45.7		2.4	8.4	69.9	19.3

PENUTUP

Penyelidikan ini jelas menunjukkan bahawa responden mengakui bahawa kursus Bahasa Inggeris yang mereka ikuti sangat berfaedah, meningkatkan kemahiran, mendatangkan minat dan motivasi mereka. Kursus juga mengandungi bahan-bahan yang sesuai dan berguna untuk tujuan akademik dan kehidupan harian. Selain itu, responden bersetuju bahawa kursus Bahasa Inggeris ini telah dapat dilaksanakan dengan sempurna dan menggunakan sistem penilaian yang sesuai. Namun begitu secara terperincinya terdapat pola perbezaan penumpuan persetujuan dalam beberapa aspek penilaian responden mengikut kumpulan, iaitu dari aspek kandungan kursus, kefahaman, kegunaan dan kesan pembelajaran. Perbezaan ini wujud mungkin disebabkan oleh perbezaan pengetahuan dan kemahiran asas Bahasa Inggeris mereka. Secara umumnya data kajian menunjukkan responden kumpulan pencapaian rendah lebih besar jumlah peratusan persetujuannya terhadap banyak item yang dikemukakan atau dengan kata lain, pelajar kumpulan pencapaian rendah sememangnya merasai sukanan pelajaran dan pendekatan yang digunakan sangat sesuai untuk mereka.

RUJUKAN

Aziz bin Nordin, Khatijah bt. Zakaria, Norman Tandjung dan Norsiah Ismail (1995) Faktor yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran kimia, *Jurnal Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*, Jil.1, Bil. 2.

Panduan Akademik, Ijazah Sarjana Muda 1995/96, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia.

Nunan, D.(1992). *Designing Tasks for the Communicative Classroom*. Cambridge.

Waters, M. dan Waters, A.(1995) *Study Tasks in English*. Cambridge.

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
“STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Lampiran 1.

STUDENTS' PERCEPTION ON FIRST YEAR (PPTS) ENGLISH COURSE

Item	Question	%
1	My objective of learning English: i) To be able to speak proficiently and effectively. ii) To be able to write clearly and effectively. Iii) (i & ii) Iv) To understand English Material for my Bachelor degree course. v) (i, ii & iv) vi) To fulfil the University's requirement. VII) Others, please specify	2.5 0.8 24.2 2.0 66.8 2.5 1.1
2	Faculty Fakulti Kejuruteraan Awam Fakulti Kejuruteraan Jentera Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Fakulti Sains Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat Fakulti Ukur Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli Fakulti Kejuruteraan Elektrik	16.3 12.4 10.7 16.0 14.3 2.5 23.6 4.2
3	Sex Male Female	63.6 36.4
4	Race Malay Chinese Indian Kadazan Iban Others	54.5 34.6 9.3 0.8 0.8
5	A1 A2 C3 C4 C5 C6 P7 P8 F9	
SPM Eng. Result (%)	21.1 22.8 4.8 6.7 7.0 14.0 7.6 10.1 5.9	

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
“STUDENT-CENTERED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

sambungan

Item	Question	%				
6	Location of school attended					
	City					18.7
	Big town					14.2
	Average town					28.6
	Small town					24.6
	Big village					7.1
	Small village					6.8
7	Langguage spoken at home and at university					
	Malay					34.4
	English					0.6
	Chinese					11.0
	Tamil					0.6
	Malay and English					22.3
	Chinese/English/Malay					20.8
	Tamil/English/Malay					8.5
	Kadazan/English/Malay					0.6
	Iban/English/Malay					-
	Others					1.4
8	Newspaper, books, journals, etc, that you read.					
	Malay					8.5
	Malay and English					58.0
	Chinese					4.5
	Chinese/Malay/English					26.4
	Tamil					0.3
	Tamil/Malay/English					2.0
	Others					0.3
Item	Question	Strongly Disagree	Disagree	Somewhat Agree	Agree	Strongly Agree
9	Course material were interesting and stimulating.	6.5	31.8	51.5	10.1	
10	Course materials used are appropriate.	0.6	2.8	23.9	59.8	12.9
11	I could understand the language used in this course.	0.6	1.1	11.0	55.3	32.0
12	The tasks given in this course were relevant.	0.6	1.4	11.8	58.3	27.9

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
"STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED" DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

sambungan

13	The tasks given helped to reinforce my learning process.	0.3	1.1	16.9	51.8	29.9
14	The English language course has considerably improved my ability to understand and speak English.	0.8	3.4	25.1	49.3	21.4
15	The English language course has considerably improved my ability to write in English.	0.6	4.2	25.6	49.6	20.0
16	The course has considerably improved my confidence in using English.	0.6	3.1	28.7	50.7	16.9
17	The course has motivated me to continue improving my English.	0.8	2.0	15.2	51.8	30.1
18	The course has fulfilled my Expectations.	0.8	11.6	42.5	42.2	2.8
19	I could not follow the English language course.	50.4	44.5	2.0	2.5	0.6
20	The students were given equal opportunity to participate in class.	0.6	2.0	6.2	42.0	49.3

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
"STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED" DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

sambungan

21	The lecturer was easily accessible and was always willing to help me with my difficulties.		2.2	12.9	52.8	32.1
22	My lecturer communicates effectively.		0.8	8.1	38.2	52.8
23	I realise the importance of English after attending the PPTS English Course.	2.0	3.9	14.6	41.0	38.5
24	Two periods a week is enough for me.	5.9	24.4	22.5	34.8	12.4
25	The PPTS English Course has taught me to think maturely.	0.8	4.5	31.3	50.4	13.0
26	The evaluation (quizzes, test & final examination) given was appropriate.	0.3	2.8	21.1	60.1	15.7
27	The PPTS English Course has made me aware of issues on environment, social, politics, economy and education.	1.1	1.1	13.8	46.6	37.4
28	The PPTS English Course has encouraged me to read English newspapers.	1.1	1.7	18.3	45.9	33.0

PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN “STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

sambungan

29	I will continue reading English Papers after completing the English Course at PPTS.	0.8	0.8	11.5	49.0	37.7
----	---	-----	-----	------	------	------

ANALYSES BASED ON HIGHER (A1, A2 & C3) AND LOWER SPM (P7, P8 & F9) ENGLISH RESULT.

Item	Question	Higher Group (%)	Lower Group (%)
1	My objective of learning English: i) To be able to speak proficiently and effectively. ii) To be able to write clearly and effectively. iii) (i & ii) iv) To understand English Material for my Bachelor degree course. v) (i, ii & iv) vi) To fulfil the University's requirement. vii) Others, please specify	2.3 1.7 30.1 2.9 58.4 3.5 1.2	2.4 - 21.4 73.8 - 2.4
2	Faculty Fakulti Kejuruteraan Awam Fakulti Kejuruteraan Jentera Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Fakulti Sains Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat Fakulti Ukur Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli Fakulti Kejuruteraan Elektrik	9.2 17.9 23.1 22.0 2.9 24.9 - 1.2	15.5 14.3 45.2 - - 14.3 1.2
3	Sex Male Female	56.7 43.3	72.6 27.4
4	Race Malay Chinese Indian Kadazan Iban Others	24.9 56.1 16.8 1.2 - 1.2	91.7 8.3

**PENILAIAN TERHADAP KURSUS BAHASA INGGERIS YANG MENGGUNAKAN PENDEKATAN
“STUDENT-CENTRED-THEMATIC-TASK-BASED” DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

sambungan

6	Location of school attended			
	City	22.5	8.6	
	Big town	15.6	4.9	
	Average town	30.6	33.3	
	Small town	22.0	28.4	
	Big village	5.2	11.1	
	Small village	4.0	13.6	
7	Langguage spoken at home and at university			
	Malay	9.9	63.1	
	English	-		
	Chinese	19.8	2.4	
	Tamil	0.6	1.2	
	Malay and English	18.0	1.2	
	Chinese/English/Malay	35.5	27.4	
	Tamil/English/Malay	14.0	3.6	
	Kadazan/English/Malay	0.6	1.2	
	Iban/English/Malay	-		
	Others	1.7		
8	Newspaper, books, journals, etc, that you read.			
	Malay	0.6	24.4	
	Malay and English	44.2	68.3	
	Chinese	8.1	2.4	
	Chinese/Malay/English	43.0	3.7	
	Tamil	0.6	-	
	Tamil/Malay/English	2.9	1.2	
	Others	0.6		